



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

JABATAN PELAJARAN JOHOR

JALAN TUN ABDUL RAZAK
80604 JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2310000
Faks : 07-2347132
Laman web : www.moe.gov.my/jpnjohor
Email : jpn.johor@moe.gov.my

Ruj.kami : JPNJ.UPK(33)/100-19/1/2 Jld.6 (31)
Tarikh : // Februari 2015

Semua Pengetua/ Guru Besar
Sekolah- sekolah Negeri Johor

Tuan/puan,

PELAKSANAAN ELAUN MURID BERKEPERLUAN KHAS (EMK) KATEGORI ORANG KURANG UPAYA NEGERI JOHOR TAHUN 2015

Dimaklumkan bahawa permohonan EMK bagi tahun 2015 akan dibuat secara atas talian melalui sistem SISOKU di laman web <http://apps5.moe.gov.my/sisoku/> bermula pada tarikh **16 Februari 2015 hingga 15 Mac 2015.**

2. Setiap sekolah yang mempunyai murid Orang Kurang Upaya (OKU) sama ada murid-murid yang berada di dalam kelas PPKI atau di aliran perdana perlu mengunci masuk maklumat murid OKU (bagi permohonan baru) dan mengemaskini data murid OKU (bagi permohonan yang sedia ada) ke dalam sistem SISOKU. Bagi kes penggantian kad OKU, pihak sekolah hendaklah memasukan no kad **OKU yang baru dan tarikh kad OKU yang asal.**

3. Tuan/puan dipohon untuk turut beri perhatian terhadap murid-murid yang mempunyai kad OKU di aliran perdana tetapi tidak didaftarkan sebagai murid pendidikan khas. Pada tahun 2014 masih terdapat isu terlepas pandang dalam pengisian SISOKU. **Tuan/puan perlu BERTANGGUNG JAWAB** sekiranya masih terdapat murid OKU yang tidak menerima EMK disebabkan **KELALAIAN PIHAK SEKOLAH** tidak membuat permohonan secara *online*. Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Azizan Bin Jantan, di talian 07-231 0081 / 013-7715287.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(HAJI AMINUDIN BIN ADAM)

Pengarah Pendidikan Negeri Johor

s.k Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Kewangan

Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000

Faks : 03-8884 7679

Portal: www.moe.gov.my

3D

"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami: KP(BKEW/BT)1920/9 Jld.9 (2)

Tarikh : 5 Februari 2015

Seperti senarai edaran

En. Azizan,
Untuk Tindakan .
Tk

HAJI MDAIMIN BIN ANIS

Ketua Sektor

Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas

Jabatan Pendidikan Johor

9/2/15

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN ELAUN MURID BERKEPERLUAN KHAS (EMK) KATEGORI ORANG KURANG UPAYA (OKU) FASA PERTAMA TAHUN 2015

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, pelaksanaan Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK) Fasa Pertama Tahun 2015 akan diteruskan seperti butiran di bawah:

PERKARA	TARIKH
Permohonan EMK (secara online-SISOKU) oleh kolej matrikulasi / sekolah	16 Februari 2015 – 15 Mac 2015
Pengesahan permohonan oleh Bahagian/JPN	1 Mac – 15 Mac 2015
Pembayaran oleh Bahagian/JPN	1 April 2015



Tempoh permohonan EMK ini ditetapkan dengan mengambil kira proses pengemaskinian maklumat dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) pada Januari – Februari 2015.

3. Setiap Kolej Matrikulasi/sekolah yang mempunyai murid Orang Kurang Upaya (OKU) perlu mengunci masuk maklumat murid OKU (bagi permohonan baru) dan mengemaskini data murid OKU (bagi permohonan sedia ada) ke dalam sistem atas talian EMK <http://apps5.moe.gov.my/sisoku/> bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada murid yang layak.

4. Pembayaran tidak akan dibuat bagi sekolah yang tidak mengemaskini permohonan tahun semasa. Bagi kes penggantian kad OKU, pihak kolej matrikulasi/sekolah hendaklah memasukkan nombor kad OKU yang baru dan tarikh kad OKU yang asal.


5. Bahagian Akaun KPM/JANM telah memaklumkan bahawa **permohonan AP58a perlu dibuat oleh pejabat pembayaran masing-masing**. Sehubungan itu, sekiranya terdapat kes permohonan tercicir EMK Tahun 2014, Bahagian/JPN masing-masing adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan AP58a kepada Bahagian Akaun KPM. Bahagian/JPN boleh memohon peruntukan tambahan kepada Bahagian Kewangan bagi pembayaran AP58a ini dengan mengemukakan salinan sijil kelulusan AP58a yang berkenaan.

6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh merujuk kepada Cawangan Bantuan, Bahagian Kewangan di talian 03-88847616/7081.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'MEMPERKASAKAN AKAUNTABILITI, MEMBUDAYAKAN INTEGRITI'

Saya yang menurut perintah,



(HAZHAR BIN MUHAMAD HANIP)

Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. Tel : 03-88847465
No. Fax : 03-88847611
Email : hazhar.mhanip@moe.gov.my